



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
IRSYAD AL-HUKMI

PERKARA: PENANGGUHAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU
NEGERI KEDAH DARUL AMAN KETIKA WABAK COVID-19

Menjunjung titah perintah KDYMM Al Aminul Kareem Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Al Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman pada 17 Mac 2020 bersamaan 22 Rejab 1441, maka dengan ini dimaklumkan bahawa:

- 1) KDYMM Tuanku Sultan Kedah berkenan menerima keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia yang telah bersidang pada 15 Mac 2020 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya.
- 2) Atas masalah memelihara jiwa (حفظ النفس) serta mengambil langkah pencegahan (الوقاية خير من العلاج) maka;
 - i) Solat Jumaat pada 20 dan 27 Mac 2020 digantikan dengan solat Zohor di rumah bagi mengelak perhimpunan berskala besar yang boleh menyebabkan mudahnya penularan wabak antara sesama jamaah.
 - ii) Untuk mengekalkan syiar fardhu kifayah, jawatankuasa masjid dan surau sahaja dibenarkan untuk meneruskan azan dan solat fardhu berjamaah seperti biasa di masjid / surau tanpa mengabaikan aspek kebersihan dan keselamatan diri dengan menyediakan kemudahan *hand sanitizer* dan sebagainya.
 - iii) Lafaz azan ketika ini adalah seperti berikut¹;

الله أكبر، الله أكبر (2 x)
أشهد أن لا إله إلا الله (2 x)
أشهد أن محمدا رسول الله (2 x)
ألا صلوا في بيوتكم (2 x)
الله أكبر، الله أكبر
لا إله إلا الله.
 - iv) Setiap masjid dan surau hendaklah melaksanakan operasi pembersihan dan penyahkuman seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai langkah keselamatan bagi mengelakkan jangkitan.

- v) Jamaah yang lain hendaklah melaksanakan solat fardhu berjamaah di rumah masing-masing di samping memperbanyakkan salawat ke atas Nabi ﷺ, bersungguh-sungguh bertaubat, beristighfar memohon keampunan Allah ﷻ serta memperbanyakkan doa dan zikir, semoga Allah merahmati seterusnya mengangkat wabak dan bala yang sedang menimpa kita ketika ini.
- vi) Disarankan juga supaya Qunut Nazilah (ketika iktidal rakaat terakhir) dibaca dalam setiap solat fardhu dan sunat. Lafaznya seperti berikut;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أفضل الأنبياء والمرسلين

سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْعَظِيمُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَوَاتِ

السَّبْعِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ نَسْتَغِيْثُ (x 3)، اللَّهُمَّ يَا كَاشِفَ الْغَمِّ وَيَا فَارِجَ الْهَمِّ وَيَا مَنْ لِعَبْدِهِ يَغْفِرُ وَيَرْحَمُ وَيَا دَافِعَ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالنِّقَمِ، اذْفَعْ عَنَّا يَا اللَّهُ، اذْفَعْ عَنَّا يَا اللَّهُ، اذْفَعْ عَنَّا يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ كُلَّ بَلَاءٍ وَوَبَاءٍ وَهَمٍّ وَضِيقٍ وَشِدَّةٍ وَنِقَمَةٍ وَفِتْنَةٍ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ، وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ، وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ،

اصْرِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَسُوءَ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا مَا عِنْدَكَ بِشَرِّ مَا عِنْدَنَا،

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

وصلی الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين. والحمد لله رب العالمين.

- 3) Sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (*Ebola Virus Disease: EVD*) di Malaysia. Kelonggaran diberikan sekiranya ada kemungkinan wujud kemudaratan kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah. Jenazah boleh diuruskan melalui prosedur tayammum di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah tersebut.

Disahkan Oleh;

فأصله

DATO' PADUKA SYEIKH, FADZIL BIN HAJI AWANG,

DPSS., DSDK., AMK., BCK

Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

Tarikh: 17 Mac 2020 bersamaan 22 Rejab 1441.